

TARIKH: 16/5/2023  
SURAT KHABAR: UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT: 32

32

UTUSAN MALAYSIA  
SELASA • 16 MEI 2023

## Dalam Negeri

# 695 kes pekerja hilang pendengaran akibat bising di tempat kerja

Oleh **ASLIZA MUSA**  
utusannews@mediamulia.com.my

**IPOH:** Sebanyak 695 atau 96 peratus kes hilang pendengaran akibat terdedah bunyi bising di tempat kerja dicatatkan di negeri ini sepanjang tahun lalu.

Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) negeri, Dr. Rabaayah Daud berkata, jumlah itu menjadikan masalah tersebut sebagai penyakit pekerjaan paling tinggi di Perak.

Katanya, kebanyakan pekerja yang menghadapi masalah itu merupakan mereka yang terlibat dalam sektor pembuatan dan pengilangan.

"Sepanjang tahun 2022, kita merekodkan sebanyak 722 kes berkaitan penyakit dan keracunan pekerja di mana masalah hilang pendengaran merupakan kes terbanyak dilaporkan iaitu



**DR. RABAAYAH DAUD** (kanan) beramah mesra dengan kakitangannya pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri JKKP Perak di Bangunan Seri Kinta di Ipoh semalam.

695 kes atau 96 peratus.

"Bagi tahun ini sehingga April, sebanyak 346 kes pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan diterima dengan

250 daripadanya membabitkan masalah hilang pendengaran," katanya kepada pemberita pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri JKKP Perak di Bangunan Seri

Kinta di sini semalam.

Mengulas lanjut beliau berkata, masalah disebabkan bunyi bising ini tidak pernah berkurangan ekoran kebanya-

kan kilang masih menggunakan mesin lama yang menghasilkan bunyi yang keterlaluan.

Sehubungan itu, katanya, bagi mengurangkan risiko kes berkenaan, pihaknya berusaha memperbanyakkan program kesedaran dengan pihak industri.

"Menerusi program itu, majikan diberi penekanan untuk menjaga kebajikan pekerja agar tidak terlalu terdedah dengan bunyi-bunyi bising," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 883 kes membabitkan kecederaan pekerjaan terhadap pekerja dilaporkan di negeri ini sepanjang tahun lalu.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 20 kes mengakibatkan maut manakala 33 kes pula melibatkan hilang upaya kekal (HUK) dan tidak hilang upaya kekal (THUK) dengan 830 kes.